



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***HUBUNGAN TAHAP KEKUATAN PERSONALITI EKSTRAVASI
SEBAGAI MODERATOR DI ANTARA TUJUAN PENGGUNAAN MEDIA
SOSIAL DENGAN KEMAHIRAN SOSIAL DALAM KALANGAN
MAHASISWA***

SAHEERA BINTI SARDAR MOHAMED

FBMK 2022 17



**HUBUNGAN TAHAP KEKUATAN PERSONALITI EKSTRAVASI SEBAGAI
MODERATOR DI ANTARA TUJUAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL
DENGAN KEMAHIRAN SOSIAL DALAM KALANGAN MAHASISWA**

Oleh

SAHEERA BINTI SARDAR MOHAMED

**Tesis ini dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 2021

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia

Hakcipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**HUBUNGAN TAHAP KEKUATAN PERSONALITI EKSTRAVASI SEBAGAI
MODERATOR DI ANTARA TUJUAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL
DENGAN KEMAHIRAN SOSIAL DALAM KALANGAN MAHASISWA**

Oleh

SAHEERA BINTI SARDAR MOHAMED

Oktober 2021

Pengerusi : Wan Anita Wan Abas, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Teknologi Maklumat dan Komunikasi memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia masa kini. Kemajuan yang berkembang secara drastik ini menyebabkan muncul pelbagai teknologi dan inovasi baru yang mengubah gaya hidup dan pemikiran masyarakat dunia terutamanya di Malaysia. Perubahan tersebut dapat dilihat dengan jelas apabila mahasiswa pada hari ini lebih cenderung untuk berinteraksi dengan menggunakan media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter dan lain-lain berbanding berinteraksi secara bersemuka. Penggunaan media sosial secara berlebihan memberi kesan kepada kemahiran komunikasi, kemahiran sosial, psikologi, kesihatan dan emosi mahasiswa. Implikasi negatif terhadap kemahiran sosial dalam kalangan mahasiswa akibat penerimaan dan penggunaan media sosial ialah kurang kemahiran berkomunikasi secara bersemuka. Oleh demikian, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan penerimaan dan tujuan penggunaan media sosial terhadap kemahiran sosial mahasiswa dengan menjadikan personaliti ekstraversi mahasiswa sebagai pemboleh ubah moderator. Kajian ini berbentuk deskriptif kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan dengan melibatkan mahasiswa dari Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penerimaan dan tujuan penggunaan media sosial telah terbukti memberikan kesan terhadap kemahiran sosial mahasiswa. Di samping itu, pemboleh ubah personaliti ekstraversi yang dijadikan sebagai moderator juga telah membuktikan terdapat hubungan positif antara tujuan penggunaan media sosial dengan kemahiran sosial mahasiswa. Hasil kajian ini dapat menyumbangkan hasil baharu dalam konteks menganalisis kesan penerimaan dan tujuan penggunaan media sosial terhadap kemahiran sosial mahasiswa di universiti dimana mahasiswa kini bersedia untuk menggunakan dan mengamalkan laman rangkaian sosial sebagai salah satu teknologi pembelajaran dan seterusnya memberi implikasi positif kepada kemahiran sosial mahasiswa serta memberi sumbangan praktikal kepada organisasi dan memberi laluan kepada pihak Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk mengambil langkah penambahbaikan pada setiap

peringkat pengurusan terutama usaha melaksanakan e-pembelajaran, kementerian pengajian tinggi dan pihak penggubal dasar iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia juga boleh mendapat input yang berguna menerusi hasil kajian ini.



Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment of the partial requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**RELATIONSHIP BETWEEN THE LEVEL OF EXTRAVERSION
PERSONALITY STRENGTH AS A MODERATOR BETWEEN THE PURPOSE
OF USING SOCIAL MEDIA AND SOCIAL SKILLS AMONG STUDENTS**

By

SAHEERA BINTI SARDAR MOHAMED

October 2021

Chairman : Wan Anita Wan Abas, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Information and Communication Technology plays a vital role in human life today. This rapid development has resulted in the introduction of a plethora of new technologies and ideas that are altering the global community's lifestyle and thinking, particularly in Malaysia. The change can be seen clearly when students today are more likely to interact using social media such as Facebook, Instagram, Twitter, and others instead of interacting face-to-face. Excessive use of social media affects student's communication skills, social skills, psychology, health and emotions. The loss of face-to-face communication skills has a detrimental impact on student's social skills due to their adoption and usage of social media. Therefore, the purpose of this study was to identify the relationship of acceptance and purpose of social media use on student's social skills by making student's extraversion personalities a moderator variable. This study is a quantitative descriptive study that uses a questionnaire as a research instrument. This study uses purposive sampling involving students from the University of Malaya, University Putra Malaysia and University Kebangsaan Malaysia. The study's shows that student's social skills are influenced by their acceptance and reason for using social media. Furthermore, the extraversion personality characteristic employed as a moderator has shown that the goal of social media usage and student's social abilities have a favourable association. The findings of this study can contribute new findings in the context of analysing the impact of acceptance and purpose of using social media on students' social skills at the university level, where students are now willing to use and practise social networking sites as one of the learning technologies, which has positive implications for student's social skills and provides a practical contribution to the organisation, as well as paving the way for Institutions of Higher Learning (IPT) to conduct measures for improvement at all levels of management, including attempts to deploy e-learning, the ministry of higher education and policymakers and the Ministry of Education Malaysia may all benefit from the study's findings.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, sujud dan syukur ke hadrat Allah s.w.t dengan berkat keizinan dan kekuatan daripada-Nya, akhirnya tesis ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Wan Anita selaku Pengerusi Penyeliaan tesis ini yang tidak pernah jemu memberi bimbingan, idea, tunjuk ajar, teguran, dorongan, semangat, nasihat dan pandangan yang sangat berguna di sepanjang penghasilan tesis ini. Selain sebagai seorang penyelia, beliau juga seorang pendengar yang baik dan sering mendengar segala luahan masalah yang dihadapi dan hal berkaitan lain. Beliau sering menasihati dan terus memberi kata-kata semangat untuk terus berjuang agar tidak berputus asa. Begitu juga setinggi penghargaan kepada ahli jawatankuasa penyeliaan tesis iaitu, Dr. Rosmiza di atas segala ilmu yang dicurahkan dan juga kepada Prof. Madya Dr. Siti Zobidah yang prihatin terhadap format tesis ini dan bimbingan beliau dalam membantu saya menyempurnakan tesis ini. Pengalaman yang ditimba ini akan menjadi titik-tolak untuk mencapai kejayaan seterusnya.

Kepada keluarga khususnya kepada kedua ibu bapa Amnah Abdul Ghani dan Mior Azmi yang sentiasa mendoakan kelapangan, kemudahan dan kesejahteraan untuk saya. Semoga mama dan papa dipanjangkan umur dan dikurniakan kesihatan yang baik sentiasa untuk terus berdoa kepada anak-anaknya untuk terus berjaya di dunia dan akhirat.

Kepada suami saya Mohd Nazuan terima kasih kerana sudi menjadi teman berdiskusi dan bersabar dalam menguruskan anak-anak semasa saya mencuri masa untuk menyiapkan tesis dan banyak memberi sokongan untuk diri agar sentiasa mengorak langkah menuju destinasi kejayaan. Kepada anak-anak umi, Chenta Carlista dan Muhammad Carl Arjuna, terima kasih kerana memahami kesibukkan umi dalam menyiapkan tesis ini. Semoga anak-anak umi juga berjaya menjejak kaki ke menara gading sehingga di tahap tertinggi.

Buat rakan-rakan seperjuangan, terima kasih kerana banyak membantu menyiapkan penyelidikan ini. Semoga Allah membalas setiap kebaikan yang diberikan. Salam kasih buat semua.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Wan Anita binti Wan Abas, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Rosmiza binti Bidin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Siti Zobidah binti Omar, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 14 April 2022

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama and No. Matrik _____ Saheera binti Sardar Mohamed, GS45706 _____

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi

BAB

1	PENGENALAN	1
1.1	Latar Belakang Kajian	3
1.2	Permasalahan Kajian	4
1.3	Persoalan Kajian	8
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Kepentingan Kajian	9
1.5.1	Kepentingan Kepada Teori	9
1.5.2	Kepentingan Kepada Metodologi	11
1.5.3	Kepentingan Kepada Aplikasi	11
1.5.4	Kepentingan Kepada Pembuat Dasar	11
1.6	Skop Kajian	11
1.7	Definisi Konseptual dan Operasional	12
1.7.1	Penerimaan Media Sosial	12
1.7.2	Penggunaan Media Sosial	12
1.7.3	Kemahiran Sosial	13
1.7.4	Personaliti Ekstraversi	13
2	SOROTAN LITERATUR	15
2.1	Pendahuluan	15
2.2	Media Sosial dan Tujuan Penggunaannya	16
2.2.1	Hubungan antara pola dan tujuan penggunaan media sosial dengan kemahiran sosial	21
2.3	Penerimaan Media Sosial	25
2.3.1	Hubungan Antara Penerimaan Media Sosial Dengan Kemahiran Sosial	25
2.4	Kemahiran Sosial	29
2.4.1	Inventori Kemahiran Sosial (SSI)	29
2.4.2	Ekspresi Sosial dan Ekspresi Emosi	33
2.4.3	Kepekaan Sosial dan Kepekaan Emosi	35
2.4.4	Kawalan Sosial dan Kawalan Emosi	35
2.4.5	Hubungan Penerimaan dan Tujuan Penggunaan Media Sosial Terhadap Kemahiran Sosial Mahasiswa	36
2.5	Personaliti	37
2.5.1	Personaliti Ekstraversi	38

2.6	Personaliti Ekstraversi Sebagai Moderator Antara Penerimaan dan Tujuan Penggunaan Media Sosial Terhadap Kemahiran Sosial	41
2.7	Teori-teori Berkaitan	42
	2.7.1 Teori Penerimaan Bersepadu Teknologi (UTAUT)	43
	2.7.2 Teori Kegunaan dan Kepuasan	49
	2.7.3 Teori Personaliti Eysenck	55
2.8	Kerelevanan Hubungan Yang Ingin Dikaji Dalam Konteks Masyarakat Moden Hari Ini	59
2.9	Kerangka Konseptual Kajian	59
2.10	Hipotesis Kajian	60
2.11	Rumusan	66
3	METODOLOGI KAJIAN	67
3.1	Pendahuluan	67
3.2	Reka Bentuk Kajian	67
3.3	Lokasi dan Subjek Kajian	68
3.4	Responden Soal Selidik	70
3.5	Populasi dan Sampel	71
3.6	Operasional Pemboleh ubah Kajian	73
3.7	Instrumen Kajian	73
	3.7.1 Pola Penggunaan	81
	3.7.2 Penerimaan Media Massa	83
	3.7.3 Tujuan Penggunaan Media Sosial	84
	3.7.4 Kemahiran Sosial	85
	3.7.5 Personaliti	86
	3.7.6 Moderator	87
3.8	Kesahan Isi Kandungan	89
3.9	Kesahan Konstruk	89
3.10	Kajian Rintis	90
3.11	Pengumpulan Data	91
3.12	Analisis Data	92
3.13	<i>Exploratory Factor Analysis (EFA)</i>	96
3.14	Konstruk Penerimaan Media Sosial	97
3.15	Konstruk Tujuan Penggunaan Media Sosial	98
3.16	Konstruk Kemahiran Sosial	99
3.17	Konstruk Personaliti	101
3.18	<i>Item parceling</i>	102
3.19	<i>Confirmatory Factor Analysis (CFA)</i>	102
3.20	Ujian Model Pengukuran	103
3.20	Analisis faktor pengesahan bagi konstruk Penerimaan Media Sosial (PMS)	104
3.21	Analisis faktor pengesahan bagi konstruk Tujuan Penggunaan Media Sosial (TPMS)	105
	3.21.1 Analisis faktor pengesahan bagi konstruk Kemahiran Sosial (KS)	106
	3.21.2 Analisis faktor pengesahan bagi konstruk Personaliti	107

3.21.3	<i>Hypothesized Measurement Model</i> Bagi Konstruk Pemboleh Ubah Bebas	108
3.21.4	<i>Hypothesized Measurement Model</i> Bagi Kesemua Konstruk	111
3.21.5	Penilaian Terhadap Kesahan dan Kebolehpercayaan Konstruk	111
3.22	Pengukuran Kesahan Konstruk	113
3.23	<i>Structural Equation Modeling</i> (SEM)	113
3.24	Semakan Kemasukan Data	115
3.25	<i>Linearity</i>	117
3.26	Etika Penyelidikan	118
3.27	Rumusan	119
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	120
4.1	Pendahuluan	120
4.2	Profil Demografi Responden	120
4.3	Analisis Statistik Deskriptif Konstruk	123
4.3.1	Penerimaan dan Tujuan Penggunaan Media Sosial	123
4.3.2	Tujuan Penggunaan Media Sosial	125
4.3.3	Kemahiran Sosial	127
4.4	Penilaian Model Struktur	130
4.4.1	Analisis model SEM	130
4.4.2	Pengujian hipotesis bagi Model Struktural Kemahiran Sosial Mahasiswa (Objektif 2 dan 3)	132
4.4.3	Hubungan Sebab Akibat	134
4.5	Analisis Pemboleh Ubah Moderator (Objektif 5 dan 6)	136
4.5.1	Personaliti Ekstraversi Sebagai Moderator bagi Model Keseluruhan	137
4.5.2	Personaliti Ekstraversi Sebagai Moderator bagi Model Keseluruhan mengikut Sub-konstruk	138
4.6	Rumusan Pengujian Hipotesis	140
4.7	Perbincangan Hasil Dapatan Kajian	148
4.7.1	Dapatan Konstruk	149
4.7.2	Penerimaan Media Sosial	149
4.7.3	Tujuan Penggunaan Media Sosial	150
4.7.4	Kemahiran Sosial	151
4.7.5	Personaliti	152
4.8	Kesan Sebab dan Akibat (<i>Causal effect</i>)	152
4.9	Pengaruh Personaliti Ekstraversi sebagai Moderator	153
4.9.1	Hubungan antara Penerimaan Media Sosial dengan Kemahiran Sosial Mahasiswa	153
4.9.2	Hubungan antara Tujuan Penggunaan Media Sosial dengan Kemahiran Sosial Mahasiswa	154
4.10	Rumusan	154
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	155
5.1	Pendahuluan	155
5.2	Rumusan Dan Perbincangan	156

5.2.1	Penerimaan Media Sosial dalam Kalangan Mahasiswa	156
5.2.2	Hubungan Penerimaan Media Sosial dengan Kemahiran Sosial Mahasiswa	157
5.2.3	Tujuan Penggunaan Media Sosial dalam Kalangan Mahasiswa	160
5.2.4	Hubungan Tujuan Penggunaan Media Sosial dengan Kemahiran Sosial Mahasiswa	160
5.2.5	Tahap Kekuatan Personaliti Ekstraversi Sebagai Moderator Pada Hubungan antara Penerimaan Media Sosial dengan Kemahiran Sosial Mahasiswa	161
5.2.6	Tahap Kekuatan Personaliti Ekstraversi Sebagai Moderator Pada Hubungan antara Tujuan Penggunaan Media Sosial dengan Kemahiran Sosial Mahasiswa	162
5.3	Implikasi dan Sumbangan Hasil Kajian	163
5.3.1	Implikasi kajian secara teori	164
5.3.2	Implikasi terhadap pengurusan dan polisi	166
5.4	Cadangan Penambahbaikan	170
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	171
5.6	Penutup	172
	RUJUKAN	173
	LAMPIRAN	198
	BIODATA PELAJAR	209
	SENARAI PENERBITAN	210

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
2.1	Definisi media sosial	17
2.2	Sub-skala Inventori Kemahiran Sosial	30
2.3	Ciri-ciri personaliti ekstraversi dan introversi	39
3.1	<i>Top 10 Malaysian Universities in QS University Rankings: Asia 2019</i>	69
3.2	Senarai Universiti Seluruh Malaysia	69
3.3	Ciri-ciri Asas Pemilihan Sampel	71
3.4	Jumlah populasi kajian	72
3.5	Pecahan item-item penerimaan media sosial berdasarkan dimensi Teori Penerimaan Teknologi Bersepadu (UTAUT)	74
3.6	Pecahan Item-Item Tujuan Penggunaan Media Sosial	77
3.7	Pecahan item-item kemahiran sosial berdasarkan dimensi <i>The Social Skills Inventory</i> (SSI)	79
3.8	Pecahan item-item inventori Teori Personaliti Eysenck	81
3.9	Nilai Pekali Kebolehpercayaan <i>Alpha Cronbach</i> untuk Praujian (n=30)	90
3.10	Ringkasan persampelan dan pengedaran borang soal selidik	91
3.11	Interpretasi skor min	92
3.12	Ciri-ciri kajian menggunakan metod SEM	95
3.13	Kategori Indeks Kesesuaian (<i>Fitness Indexes</i>)	96
3.14	EFA Bahagian C	97
3.15	EFA Bahagian D	99
3.16	EFA bahagian E	100
3.17	EFA Bahagian F	101

3.18	KMO (N=120)	102
3.19	Model Diagnostik Dalam Proses CFA	103
3.20	Kategori indeks dan indeks minimum (Zainuddin, 2013)	104
3.21	Ringkasan statistik padanan model pengukuran	105
3.22	Ringkasan statistik padanan model pengukuran	106
3.23	Ringkasan statistik padanan model pengukuran	107
3.24	Ringkasan statistik padanan model pengukuran	108
3.25	Nilai <i>Modification Indices</i>	109
3.26	Kesahan dan kebolehpercayaan model kajian	112
3.27	<i>Factor loading</i> setiap item dalam konstruk	112
3.28	Kesahan diskriminan	113
3.29	Kategori Indeks Kesesuaian (<i>Fitness Indexes</i>)	114
3.30	Kepencongan dan kurtosis setiap konstruk (n=346)	116
3.31	Statistik kolineariti	117
4.1	Latar belakang responden (n=346)	121
4.2	Pola penggunaan media sosial (n=346)	122
4.3	Statistik deskriptif bagi sub-konstruk Penerimaan Media Sosial	123
4.4	Statistik deskriptif bagi sub-konstruk Tujuan Penggunaan Media Sosial	125
4.5	Statistik deskriptif bagi sub-konstruk Kemahiran Sosial	127
4.6	Statistik Deskriptif bagi konstruk Personaliti	129
4.7	Rumusan Tahap Persetujuan Responden Bagi Setiap Konstruk	130
4.8	Ringkasan statistik padanan model struktur	132
4.9	Pemberat Regresi Berpiawai	132
4.10	Ringkasan statistik padanan model struktural	134

4.11	Pemberat Regresi Berpiawai	135
4.12	Nilai <i>chi-square</i> bagi kedua-dua model	138
4.13	Nilai <i>chi-square</i> bagi kedua-dua model	139
4.14	Rumusan pengujian hipotesis kajian H1	140
4.15	Rumusan pengujian hipotesis kajian H2	142
4.16	Rumusan pengujian hipotesis kajian H3	144
4.17	Rumusan pengujian hipotesis kajian H4	146



SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
2.1 Tiga dimensi personaliti oleh <i>Eysenck</i> (1952)	56
2.2 Kerangka Konseptual Kajian	60
2.3 Kerangka hipotesis penerimaan media sosial kepada kemahiran sosial	61
2.4 Kerangka hipotesis tujuan penggunaan media sosial kepada kemahiran sosial	62
2.5 Kerangka hipotesis personaliti ekstraversi sebagai moderator pada hubungan antara penerimaan media sosial dengan kemahiran sosial mahasiswa	63
2.6 Kerangka hipotesis personaliti ekstraversi sebagai moderator pada hubungan antara tujuan penggunaan media sosial dengan kemahiran sosial mahasiswa	64
2.7 Kerangka hipotesis kajian	65
3.1 GambaAliran Kaedah Kuantitatif Dalam Reka Bentuk Kajian	68
3.2 Kedudukan Antara Pemboleh ubah Bebas, Pemboleh ubah Bersandar Dan Pemboleh ubah Moderator Dalam Model	87
3.3 Langkah pemodelan bermula daripada EFA, ke CFA dan SEM	93
3.4 Model pengukuran bagi konstruk Penerimaan Media Sosial	104
3.5 Model pengukuran (disemak) bagi konstruk Tujuan Penggunaan Media Sosial	105
3.6 Model pengukuran (disemak) bagi konstruk Kemahiran Sosial	106
3.7 Model pengukuran (disemak) bagi konstruk Personaliti	108
3.8 <i>Hypothesized</i> measurement model	109
3.9 <i>Hypothesized</i> measurement model	110
3.10 <i>Hypothesized</i> Measurement Model Bagi Kesemua Konstruk	111
3.11 <i>Plot Linearity</i>	117
4.1 Model Struktural Kemahiran Sosial Mahasiswa	131

4.2	Model Struktural Kemahiran Sosial Mahasiswa mengikut skonstruk	133
4.3	Model Struktural: Analisis Pelbagai Kumpulan (MGA)	137
4.4	Pengaruh moderator terhadap personaliti ekstraversi: measurement residuals model	139



BAB 1

PENGENALAN

Isu Pandemik COVID-19 yang telah melanda hampir seluruh dunia ketika ini adalah amat membimbangkan dan memberi pelbagai impak. Sekiranya ia berlaku sekitar 1980-an dan awal 1990-an, sebelum wujud ledakan teknologi maklumat, sudah tentunya wujud banyak kekangan untuk penyebaran maklumat mengenai penyakit dan usaha dilakukan kerajaan serta negara lain bagi memerangi wabak maut yang sudah menjangkiti lebih empat juta penduduk dunia ini.

Menurut laporan akhbar (Berita Harian Online, 2020), masyarakat bergantung kepada sumber telekomunikasi seperti radio dan televisyen untuk mendapatkan maklumat. Namun perkembangan teknologi hari ini membuatkan segala-galanya berada di hujung jari dengan penggunaan internet serta teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dan media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram menjadi tempat rujukan utama mencari informasi terutamanya bagi golongan mahasiswa. Dalam keadaan tertentu terutama suasana ancaman seperti COVID-19, maklumat perlu disampaikan dan digarap dengan seberapa pantas yang boleh. Kelewatan menerima maklumat boleh mencetuskan masalah dan kemudaratan lebih besar. Dengan adanya medium media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram, ia mampu merealisasikan penghantaran maklumat dengan pantas.

Teknologi maklumat dan komunikasi atau Information Communication Technology (ICT) di seluruh dunia telah berkembang dengan sangat pesat dan pantas sehingga ia telah menjadikan dunia mampu berhubung tanpa sempadan. Perkembangan (ICT) juga disokong oleh infrastruktur, peralatan dan rangkaian yang memberi impak kepada kehidupan manusia terutamanya golongan mahasiswa pada masa kini (Al Aslamiyah, Setyosari & Praherdhiono, 2019). Selain itu, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang meluas di dalam kehidupan adalah untuk memastikan pengguna mendapat maklumat dengan cepat tanpa perlu membazir masa dan kos. Capaian dan rangkaian sosial adalah salah satu fenomena popular yang telah melanda dunia dan kita kini hidup di dalam era rangkaian sosial di gunakan secara meluas (Mohamed & Ngadiron, 2019).

Pada awal pengenalan media sosial, fungsinya ialah alat yang menghubungkan seseorang dengan individu yang lain (Mahmud & Omar, 2013). Fungsi media sosial kemudiannya dipertingkatkan dengan penambahan ciri-ciri terbaru seperti menyediakan ruangan sembang, pengemaskinian status, menghantar mesej dan menghantar animasi. Menurut Salman dan Pulungan (2017), fungsi media sosial juga dipertingkatkan dengan fungsi pengurusan identiti (identity management), pencarian pakar rujuk (expert finding), kesedaran konteks (context awareness), pengurusan kenalan (contact management) dan pertukaran maklumat (exchange information).

Terdapat beberapa media sosial yang aktif digunakan oleh pengguna pada masa kini seperti Instagram, Twitter, Whatsapp dan Telegram. Menurut laporan Berita Harian Online (2019) Malaysia menduduki kelompok kelima tertinggi di dunia dan tempat teratas di Asia Tenggara dalam penembusan media sosial mudah alih, demikian menurut Hootsuite and We Are Social dalam laporan terkini Digital 2019. Pada masa kini pengguna berdaftar Facebook di Malaysia adalah yang tertinggi di Asia Tenggara iaitu seramai 18 juta pengguna berdaftar bersamaan hampir dua juta pengguna aktif setiap bulan. Dalam kelompok tersebut, dinyatakan juga seramai 65 peratus adalah golongan yang berusia 15 tahun hingga 30 tahun yang juga dikelompokkan sebagai belia (Fauzi, 2020) yang merupakan kelompok pengguna media sosial tertinggi yang terdiri daripada mahasiswa. Terdapat tiga media sosial yang paling berpengaruh di dunia iaitu Facebook, Twitter dan Instagram. Oleh itu, mahasiswa merupakan kelompok digital natives, mempunyai jaringan sosial secara atas talian sebagai satu bentuk komunikasi yang penting dan merupakan satu kelompok yang dianggap mempunyai high-performance dan high maintenance (Mustaffa & Ibrahim 2014).

Golongan mahasiswa merupakan pengguna tegar utama yang meluangkan masa yang banyak untuk melayari dan mengakses Facebook. Mahasiswa secara purata melayari Facebook selama empat jam sehari. Mahasiswa merupakan antara kelompok individu yang menyumbang kepada dapatan tersebut kerana umumnya di Malaysia, individu yang berusia 19 hingga 23 tahun merupakan kelompok mahasiswa yang sedang menyambung pengajian di mana-mana institusi pengajian tinggi (Mahmud & Omar, 2013). Kajian ini selari dengan kajian Mohamed & Ngadiron (2019), yang menyatakan golongan mahasiswa paling terpengaruh dan pengguna tertinggi terhadap media sosial.

Mahasiswa menggunakan Facebook untuk pelbagai tujuan. Dapatan kajian yang dilakukan oleh Mahmud dan Omar (2013) menunjukkan mahasiswa menggunakan Facebook untuk mengekalkan hubungan, meluangkan masa, menyertai komuniti maya, mencari hiburan, menonjolkan kehebatan diri, menambah kenalan, mencari maklumat serta laman perbincangan. Manakala, Destiana, Salman dan Abd. Rahim (2013) pula mendapati kebanyakan mahasiswa menggunakan medium Facebook sebagai cara mereka menyampaikan maklumat dan berkongsi perkara-perkara yang dapat menyumbang kepada pendidikan mereka.

Tambahan pula, kelebihan dalam memiliki peralatan berteknologi seperti telefon pintar dan komputer riba serta jaringan Internet percuma di kawasan kampus memudahkan mahasiswa menggunakan media sosial di mana sahaja dan pada bila-bila masa. Berdasarkan kajian-kajian lepas, jelas menunjukkan bahawa mahasiswa menggunakan Facebook secara kerap disebabkan oleh pelbagai faktor yang menyumbang kepada pelbagai sebab penggunaan dan kesannya terhadap kemahiran sosial dan personaliti seseorang individu.

1.1 Latar Belakang Kajian

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia masa kini. Kemajuan yang berkembang secara drastik ini menyebabkan muncul pelbagai teknologi dan inovasi baru yang mengubah gaya hidup dan pemikiran masyarakat dunia terutamanya di Malaysia (Salih, Khalid, Abdul Kahar & Zahari, 2019). Perubahan tersebut dapat dilihat dengan jelas apabila masyarakat pada hari ini lebih cenderung untuk berinteraksi dengan menggunakan media sosial seperti Facebook, Whatsapp dan lain-lain berbanding berinteraksi secara bersemuka. Menurut Mohamed dan Ngadiron (2019), pada masa ini, terdapat hampir 170 jenis laman sosial yang digunakan secara aktif dan terkenal di seluruh dunia antaranya ialah Facebook, Twitter dan Instagram.

Penggunaan Twitter membolehkan para pengguna berkongsi apa sahaja maklumat melalui teks sehingga 280 huruf dengan lebih 70 juta *tweet* setiap hari, ia telah menjadikan setiap saat, lebih 800 *tweet* akan dikongsi oleh para penggunanya. Menurut Nordin, Mohammad dan Mohamad (2019), teknologi rangkaian sosial sebagai era rangkaian sosial kolektif perisikan, penyertaan, penciptaan kerjasama dan pengedaran tanpa sempadan. Ini kerana pelbagai maklumat dapat disalurkan dan dibahaskan serta dibuahkan dalam laman sosial ini contohnya Twitter. Twitter adalah jaringan sosial dan blog mikro di mana kita sebagai pengguna dapat memberikan informasi terkini, profil diri, e-dagang, berkongsi gambar atau video dan sebagainya.

Penggunaan media sosial dalam kalangan penduduk Malaysia sering mencetuskan polemik dalam kalangan penyelidik kerana didapati kelompok yang ketagih dengan media sosial adalah mereka yang berada dalam kumpulan umur 15 hingga 30 tahun. Astro Awani *Online* (2017), Datuk Jailani Johari menjelaskan bahawa mahasiswa di Malaysia secara purata memperuntukkan empat jam sehari bagi melayari media sosial berbanding trend masyarakat dunia yang hanya memperuntukkan dua jam sahaja sehari. Kajian yang dilakukan oleh Manap, Hamzah, Amin, Izani, Idris, Hamjah, Tambi, Kasim, Sarnon, Nen dan Saim (2016), telah mengesahkan bahawa daripada 750 responden yang berumur 13 hingga 21 tahun, secara purata menggunakan 11.6 jam sehari untuk penggunaan media sosial. Justeru itu, penggunaan media sosial sebagai trend dalam golongan muda tidak boleh disangkal lagi.

Faktor mempunyai banyak masa dan tidak terikat dalam komitmen bekerja menjadi salah satu sebab untuk mahasiswa meluangkan masa untuk melayari media sosial. Selain itu, budaya perkongsian juga menjadi suatu budaya dalam kelompok ini yang gemar berkongsi gambar serta status terkini di media sosial. Berdasarkan kajian Hamid (2016), jelas membuktikan golongan mahasiswa telah memperuntukkan masa yang banyak hanya untuk menggunakan media sosial dalam kehidupan harian mereka.

Populariti dan kepesatan penggunaan media sosial sebagai medium berinteraksi dalam kalangan mahasiswa telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan ibu bapa dan pihak universiti akan implikasinya terhadap kemahiran sosial mahasiswa pada masa kini

(Destiana, Salman & Rahim, 2013). Kemahiran sosial ditakrifkan sebagai sebarang reaksi kognitif atau tingkah laku yang prihatin untuk melakukan perhubungan interpersonal secara efektif dengan orang lain dalam situasi sosial atau kerja (Beheshtifar dan Norozy, 2013) sama ada rakan sebaya dan pengajar (Zorofi, 2013). Reaksi kognitif ini termasuklah perasaan empati, memahami perasaan orang lain dan penilaian terhadap sebarang kesan daripada tindakan tingkah laku sosial yang dilakukan terhadap orang lain (Drago, 2015). Kemahiran sosial ini boleh dilihat daripada tingkah laku bekerjasama, berdikari, persahabatan, tindak balas terhadap sesuatu aktiviti dan melakukan perkara yang diminta oleh orang lain (Beheshtifar, 2013; Moawad, Ahmed, Ebrahim & Soliman, 2016).

Kehidupan sebagai mahasiswa tidak hanya berkisar kepada pembelajaran di dalam bilik kuliah sahaja. Sebaliknya, bagi membentuk kemahiran sosial seseorang mahasiswa turut dipengaruhi oleh proses interaksi dengan orang lain semasa proses sosialisasi berlaku (Dolgoва, Olffen, Bosch & Volberda, 2010). Kemahiran sosial juga bukanlah suatu yang boleh diwarisi tetapi ia boleh diterapkan dan dipupuk dalam diri individu sejak kecil lagi (Cabosky, 2016). Interaksi yang berlaku haruslah suatu interaksi yang nyata di mana individu tersebut akan dapat membina suatu pengalaman dalam minda yang akan mempengaruhi cara individu tersebut berfikir, bertingkah laku dan bertindak balas (Li, 2017). Oleh demikian, beberapa kajian yang dilakukan oleh para sarjana mendapati individu yang cenderung kepada proses sosialisasi dalam alam maya tidak mampu membentuk kemahiran sosial yang akan digunakan untuk bergaul dengan orang lain di alam nyata sarjana (Correa, Bachmann & Hinsley, 2014; Moawad, Ahmed, Ebrahim & Soliman, 2016; Zorofi, 2013).

Ledakan penggunaan media sosial yang tidak terkawal dalam kalangan mahasiswa dan tiada kawalan ibu bapa semasa mahasiswa belajar di institusi pengajian tinggi telah menimbulkan polemik persoalan dalam kalangan penyelidik bagaimana pengaruh media sosial terhadap pembentukan kemahiran sosial mahasiswa yang sedang menuntut di pusat pengajian tinggi. Justeru itu, kajian ini akan dilakukan bagi mengenal pasti hubungan antara penggunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa dengan pembentukan kemahiran sosial mereka.

1.2 Permasalahan Kajian

Penggunaan media sosial secara berlebihan memberi kesan kepada kemahiran komunikasi, kemahiran sosial, psikologi, kesihatan dan emosi mahasiswa. Implikasi negatif terhadap kemahiran sosial dalam kalangan mahasiswa akibat penerimaan dan penggunaan media sosial ialah kurang kemahiran berkomunikasi secara bersemuka. Keperluan kajian berkenaan implikasi keperibadian di dalam konteks penggunaan media kerana ia merupakan faktor penting yang mempengaruhi pelbagai tingkah laku manusia dan pilihan. Majoriti penyelidikan kini hanya tertumpu kepada penggunaan media sosial dan penggunaan rangkaian sosial (Correa, Hinsley & Zuniga, 2010). Oleh itu, kajian-kajian yang akan dilakukan perlu mengupas lebih banyak isu-isu yang berkaitan dengan kesan positif dan negatif akibat penerimaan dan penggunaan media sosial dalam kehidupan harian seseorang individu. Walaupun media sosial menjadikannya lebih

mudah untuk berhubung dengan orang ramai, cara kita berkomunikasi dan berinteraksi memberi kesan negatif terhadap kualiti hubungan interpersonal mahasiswa. Hal demikian kerana apabila Internet semakin dibiasakan di aplikasi ke dalam kehidupan seharian, penggunaan media sosial dijadikan keutamaan dan menyebabkan kualiti hubungan secara interpersonal terjejas (Hooi & Ten Wong et.al, 2017).

Kesan penggunaan media sosial terhadap kemahiran sosial boleh dilihat apabila mereka lebih gemar untuk melayari internet serta media sosial menggunakan telefon pintar daripada berinteraksi dengan orang sekeliling. Kurangnya interaksi dengan orang sekeliling menyebabkan mahasiswa terutamanya tidak terdedah dengan cara bersosial. Keadaan dan ini akan menyebabkan mereka gagal mendidik diri dalam menguasai kemahiran sosial yang sepatutnya mereka miliki. Dalam budaya hari ini, penggunaan media sosial secara individu memainkan peranan yang semakin penting dalam kehidupan mahasiswa dan telah berlaku penyalahgunaan penggunaannya secara meluas dalam kalangan mahasiswa. Malangnya, ramai mahasiswa telah hampir sepenuhnya diserap dalam rangkaian sosial ini dan kurang memberi perhatian kepada kerja akademik mereka akibat menghabiskan begitu banyak masa di platform ini berbanding belajar atau berinteraksi dengan orang lain (Amiera et.al, 2019). Penggunaan media sosial secara aktif juga mungkin memberi kesan kepada akademik golongan mahasiswa dan menghalang konsentrasi ke dalam tenaga kerja. Senario ini membimbangkan kerana walaupun ibu bapa mengambil berat tentang anak-anak yang kerap menggunakan laman rangkaian sosial, mereka lebih cenderung untuk menghabiskan masa bersosial yang membolehkan mereka menerbitkan sebarang informasi serta berhubung dengan sesiapa sahaja yang mereka mahu.

Seperti yang kita ketahui, walaupun sesetengah masyarakat cemerlang dalam bidang akademik, tetapi mereka kurang menguasai kemahiran komunikasi, di mana mereka gagal menyampaikan hujah, pembentangan dan maklumat secara jelas, teratur dan difahami (Hanafi dan Abd. Rahman, 2017).

Tujuan penggunaan media sosial kini adalah lebih ke arah ingin mengisi masa lapang. Apabila mahasiswa melaburkan terlalu banyak masa melayari laman sosial, mereka akan kurang berinteraksi dan berkomunikasi secara maya sahaja. Keperluan kemahiran komunikasi ini khususnya di dalam dunia pekerjaan dan majikan kini cenderung melihat komunikasi sebagai salah satu kemahiran utama yang mesti dimiliki siswazah. Keadaan ini akan mendorong kepada masalah dalam kemahiran sosial mereka (Hanafi dan Abd. Rahman, 2017).

Masalah-masalah sosial yang timbul selepas masyarakat menerima dan menggunakan media sosial adalah seperti pembaziran masa, kebocoran maklumat, jenayah siber, fitnah, pencemaran maklumat dan fakta. Apabila seseorang terlalu banyak meluangkan masa melayari laman sosial, mereka cenderung melihat pelbagai perkongsian sama ada positif atau negatif dan membazirkan masa. Pembaziran masa ini menjadikan mereka sebagai individu yang sering lupa akan tanggungjawab (Manap et al., 2016).

Aplikasi media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram dan pelbagai aplikasi yang lain bukanlah suatu aplikasi sosial yang asing lagi bagi mahasiswa (Kim & Kim, 2017). Segala maklumat terbaru dan perkembangan terkini dalam kehidupan mereka sangat mudah diperolehi dan dikongsi dengan orang lain (Moawad, Ahmed, Ebrahim & Soliman, 2016). Mereka cenderung berkongsi hal-hal peribadi, artikel dan berita yang tidak disemak sumber dan kesahihannya (Rashid & Ali, 2014). Malah adalah tidak pelik jika mahasiswa ini berada di tempat-tempat yang jauh dari bandar mahupun dari segala pelosok dunia dapat diperolehi dengan mudah.

Pengguna internet akan terdedah kepada jenayah siber di mana ada segelintir individu yang mengambil kesempatan dan mempunyai agenda tertentu terhadap pengguna lain (Sulaiman, Ku Daud & Che Pam, 2012). Dahulu, jenayah siber melibatkan penggodaman teknikal yang dilakukan oleh individu yang arif dalam bidang pengkomputeran seperti Malware, Botnet dan virus. Namun, pada hari ini jenayah siber telah melibatkan aktiviti sosial iaitu penipuan siber. Target utama penjenayah siber ini ialah individu-individu yang kurang faham dan mengambil mudah tentang keselamatan penggunaan komputer dan telefon bimbit. Kesannya, ramai masyarakat yang mudah ditipu oleh sindiket jenayah siber.

Sikap tidak berhati-hati dalam berkongsi maklumat membuka ruang kepada penjenayah siber dalam masalah sosial mahasiswa seperti pornografi, penipuan, pelacuran, penyeludupan, peras ugut, pelaburan haram, aktiviti seks bebas, rogol mencabul kehormatan, penyalahgunaan dadah dan penipuan (Malek, 2011). Keadaan ini sedikit sebanyak akan memberi tekanan secara psikologi dan emosi mangsa yang terlibat dalam gangguan penjenayah siber. Apabila penggunaan media sosial semakin berkembang, begitu juga risiko untuk menjadi sasaran penjenayah generasi baharu yang lebih gemar beroperasi di alam siber (Juliyanti Jalil & Sinnamon, 2019). Menurut mereka juga, orang yang mempunyai kelakuan jenayah dan merasa terkekang akan lebih berkemungkinan melakukan jenayah dalam talian yang tidak dapat mereka lakukan dalam kehidupan sebenar. Oleh kerana ruang siber menyediakan fleksibiliti identiti dan juga supaya mereka tidak mahu dikenali, dan kekurangan pencegahan, ia menjadi tempat yang menarik untuk bakal penjenayah melakukan jenayah. Mengikut logik dalam situasi ini, pengguna media sosial cenderung untuk mengambil bahagian dalam penganiayaan sama ada secara pasif mahupun aktif seperti yang dilihat oleh kesediaan mereka untuk menerbitkan maklumat peribadi secara terperinci dan banyak. (Juliyanti & Sinnamon, 2019).

Masalah ini akan menguji unsur emosi seseorang individu contohnya mereka akan menjadi personaliti introversi iaitu berasa malu, rasa bersalah dan hilang keyakinan diri untuk berjumpa dengan masyarakat (Ramdhani, 2016). Kes pembulian siber, pencerobohan dalam talian, kemurungan dan kebimbangan privasi diceroboh juga akan memberi impak kepada kestabilan emosi individu. Situasi ini berlaku apabila mereka terlalu takut dan risau menyebabkan mereka hilang kepercayaan kepada orang lain (Rosli, Muniandy, dan Jasmi, 2019).

Kemunculan begitu banyak laman rangkaian sosial menyebabkan mahasiswa terlalu obses dan ketagihan sehingga dapat memberi kesan negatif. Kesan daripada ketagihan media sosial ini menjadikan mahasiswa mempunyai perasaan keseronokan, mengalami perubahan tingkah laku dan emosi dan menunjukkan ketagihan psikologi (Vergara & Carranza, 2012). Kesan yang dialami oleh mahasiswa telah ditunjukkan pada tabiat tidur yang diubah, kerana mereka lebih suka untuk menggunakan media sosial pada waktu malam, sekali gus mengurangkan jam tidur, perubahan dalam gaya hidup, di mana terdapat kekurangan kepada kepentingan dalam sukan atau aktiviti-aktiviti lain.

Selain itu, terdapat juga beberapa kesan seperti cepat marah, perubahan emosi dan prestasi akademik yang rendah. Ini disokong oleh Ayub, Rozali dan Marni (2019) yang berpendapat bahawa kesan buruk yang paling ketara dapat diperhatikan dalam penggunaan media sosial yang berlebihan adalah masalah ketagihan. Adalah penting untuk diperhatikan bahawa mahasiswa hari ini memainkan peranan besar dalam menentukan masa depan negara kita.

Mahasiswa-mahasiswa institut pengajian tinggi akan kurang melakukan aktiviti komunikasi interpersonal malah ada yang menjadi anti-sosial kesan daripada penggunaan teknologi secara berlebihan. Hal ini dikatakan demikian kerana tiadanya hubungan interpersonal akan menyebabkan mahasiswa kurang bermotivasi untuk belajar. Seterusnya, teknologi yang canggih ini menjadikan seseorang mahasiswa itu tidak mahir untuk mewujudkan kenalan baru. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka hanya mahir untuk mencari kenalan secara atas talian hanya melalui media sosial seperti Whatsapp, Facebook dan Twitter.

Mahasiswa yang tidak mempunyai kemahiran sosial akan berhadapan masalah dalam kehidupan mereka. Malah ada sebahagian mahasiswa menjadi introversi iaitu gagal untuk berinteraksi dalam masyarakat dan terlalu obses dengan melayari laman sosial sehingga mereka bertindak mengasingkan diri kerana tidak tahu bagaimana untuk berinteraksi dengan orang lain kerana malu, perasaan rendah diri atau tidak mempunyai keyakinan diri. Hal ini mempengaruhi tahap kemahiran seseorang mahasiswa dari segi pergaulan kerana sering mengasingkan diri dengan melayari laman sosial (Hassan & Rashid, 2012).

Dikala dunia sedang dilanda pandemic Covid 19, tidak dinafikan bahawa pelbagai ragam mahasiswa telah menghadapi lanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ada gembira kerana melihatnya sebagai tambahan masa bermain permainan video, melayari internet atau bermedia sosial. Mahasiswa yang mempunyai personaliti ekstraversi mungkin akan menghadapi lebih mencabar berbanding introversi yang suka bekerja sendiri. Kuarantin akan dirasakan belenggu melemaskan dan boleh menyebabkan tekanan mental dan emosi (Roslan, Wong, Sulaiman, Ab Jalil & Siaw, 2020).

Kajian tentang personaliti dan media sosial juga menjadi tumpuan beberapa penyelidik dalam bidang komunikasi dan sains sosial (Volkova, Bachrach, Armstrong & Sharma, 2015; Correa et al., 2013; Lee, 2017; Mark & Ganzach, 2014). Penggunaan media sosial

akan menyumbang kepada gangguan personaliti seperti personaliti antisosial (avoidant personality) atau gangguan kebimbangan sosial turut mempunyai kekurangan dalam aspek kemahiran sosial ini.

